

Tahap Kemahiran “Employability” Banduan Pra Bebas Di Kompleks Penjara Kluang, Johor

Zainuddin Abu Bakar & Farhana Salwa Binti Salihhuddin
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Penyelidikan ini bertujuan melihat tahap kemahiran “employability” banduan pra bebas di Kompleks Penjara Kluang, Johor. Kemahiran yang dikaji ialah kemahiran bertanggungjawab, kemahiran bersikap positif, kemahiran membuat penyesuaian dan kemahiran bekerja dengan orang lain. Responden kajian seramai 40 orang terlibat dalam penyelidikan ini. Mereka terdiri daripada banduan pra bebas di Kompleks Penjara Kluang Johor. Data dikumpul dengan menggunakan instrument soal selidik dan dianalisis dengan menggunakan perisian “ Statistical Package For the Social Sciences” (SPSS 15.0). Kajian rintis telah dijalankan di kalangan 10 orang banduan pra bebas di Penjara Simpang Rengam Johor. Darjah kebolehpercayaan bagi instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah $\alpha = 0.679$. Analisis data dilakukan secara frekuensi, peratus dan min. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap ‘employability’ para banduan pra bebas di Kompleks Penjara Kluang ini berada pada tahap yang tinggi. Kemahiran tertinggi yang dicatatkan adalah kemahiran membuat penyesuaian, diikuti dengan kemahiran bersikap positif, diikuti pula dengan kemahiran bekerja dengan orang lain dan yang akhir sekali ialah kemahiran bertanggungjawab. Ini menunjukkan bahawa banduan pra bebas mempunyai kemahiran ‘employability’ yang tinggi setelah menjalani latihan vokasional sepanjang menjalani hukuman di penjara.

Abstract: The objective of this research is to identify the employability skills of the pre-released inmates at Kluang Prison Complex, Johor. The skills investigated are responsibilities, positive attitude, personal adjustment and work with others. A total of 40 respondents involved in this study. There are pre-released inmates that from the Kluang Prison. The data is gathered by using and analysed by using the “Statistical Package for the Social Science” (SPSS 15.0). A pilot study was conducted to 10 respondents from the Simpang Rengam Prison Johor. The reliability of the instrument was $\alpha = 0.679$. The analysis is done in the form of frequency, percentage and average. The finding indicates that the pre-released inmates have high employability skills. The finding also shows the higher skills is personal adjustment, followed by positive attitude, responsibilities, , and work with others. These indicate that pre-release inmates have a high employability rate after undergoing vocational training through out their stay in prison.

Katakunci: tahap kemahiran “employability”, banduan pra bebas

Pengenalan

Latihan dalam bidang vokasional yang berkesan akan dapat menyediakan sumber tenaga manusia yang boleh menyelesaikan masalah, berfikiran kritikal dan sentiasa mempelajari sesuatu yang baru dalam pekerjaan. Menurut Ramlee (2000), para majikan bersetuju bahawa kemahiran teknik dan vokasional dapat membantu menyediakan pekerja mahir dan separa mahir. Sehubungan itu, kerajaan dan juga sektor swasta telah bersama-sama berganding bahu memperkenalkan pendidikan teknik dan vokasional diserata tempat termasuk di penjara.

Penjara merupakan institusi yang melaksanakan hukuman seperti yang diketahui umum, ianya berbeza dengan institusi atau organisasi lain yang terdapat dalam masyarakat kita pada hari ini. Perbezaan yang jelas bukan sahaja dapat dilihat daripada penampilan fizikal malahan ianya merupakan satu kumpulan pekerja yang telah terlatih berkhidmat untuk menjaga, mengurus, mengelola serta memberi pendidikan kemahiran kepada sekumpulan manusia yang bergelar banduan.

Berdasarkan latarbelakang masalah di atas, penyelidik ingin mengkaji apakah tahap kemahiran “Employability” banduan pra bebas di Kompleks Penjara Kluang, Johor. Kajian ini memfokuskan kepada aspek adakah tahap kemahiran yang diperolehi banduan mampu bersaing untuk mendapatkan pekerjaan dan seterusnya diterima masyarakat.

Aspek –aspek yang dikaji termasuklah kemahiran bertanggungjawab, sikap banduan, kemahiran membuat penyesuaian dan kemahiran bekerja dengan orang lain.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah :

1. Mengenal pasti tahap kemahiran bertanggungjawab banduan Pra bebas di Komplek Penjara Kluang Johor terhadap latihan vokasional yang diperolehi.
2. Mengenal pasti tahap sikap banduan pra-bebas di Komplek Penjara Kluang Johor terhadap latihan vokasional yang diperolehi.
3. Mengenal pasti tahap kemahiran membuat penyesuaian banduan pra bebas di Kompleks Penjara Kluang, Johor terhadap latihan vokasional yang diperolehi.
4. Mengenal pasti tahap kemahiran bekerja dengan orang lain banduan pra bebas di Komplek Penjara Kluang Johor terhadap latihan vokasional yang diperolehi.

Kepentingan Kajian

Hasil daripada kajian ini, penyelidik berharap dapat memberi manfaat kepada pihak-pihak yang berkaitan seperti pihak industri, pihak masyarakat, badan-badan yang berkaitan seperti pihak kerajaan, badan-badan bukan kerajaan (NGO), pusat-pusat latihan vokasional.

Pihak Industri

Menimbulkan kesedaran di kalangan pihak industri mengenai kebolehan golongan banduan pra bebas yang mana sebelum ini bersikap mendiskriminasikan golongan ini. Selain itu, pihak industri juga boleh merancang dan menyediakan serta memberi peluang pekerjaan yang sesuai dengan golongan ini.

Masyarakat

Mewujudkan kesedaran dan sikap keprihatinan terhadap kebolehan dan kemahiran yang dimiliki oleh golongan ini. Kajian ini diharap dapat merubah tanggapan negatif terhadap golongan ini.

Pihak Kerajaan

Kajian ini amat berguna kepada pihak kerajaan dalam merangka kurikulum dan pendidikan serta latihan vokasional yang sesuai untuk golongan ini sejajar dengan keperluan dan kehendak pihak industri. Perkara ini dapat mengatasi masalah pengangguran hari ini yang bukan sahaja melibatkan golongan graduan malah golongan seperti banduan juga perlu diberi perhatian.

Pusat Latihan Vokasional

Hasil dapatan kajian ini juga akan dapat membantu pusat-pusat latihan vokasional merangka pendidikan dan latihan vokasional serta menawarkan kursus-kursus yang bersesuaian dengan kehendak industri agar golongan ini diterima bekerja dengan mudah oleh pihak industri. Selain itu, pusat latihan vokasional juga dapat mengambil tindakan yang sewajarnya dalam menyediakan perkhidmatan dan latihan yang baik kepada golongan ini.

Batasan Kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk meninjau tahap kemahiran kebolehkerjaan golongan banduan yang di kategorikan dalam kategori pra pembebasan setelah menerima latihan vokasional di Kompleks Penjara Kluang Johor.

Responden kajian ini hanya terhad kepada satu kategori banduan iaitu Pra Bebas sahaja. Oleh itu, kaedah persampelan yang digunakan adalah sampelan tidak rawak jenis bertujuan.

Penyelidik hanya menumpukan dimensi kajian ini kepada empat elemen kemahiran kebolehkerjaan iaitu kemahiran bersikap positif, kemahiran membuat penyesuaian, kemahiran bekerja dengan orang lain dan kemahiran bertanggungjawab.

Metodologi

Populasi dan sampel

Populasi merupakan objek cerapan yang mempunyai ciri atau sifat yang sama, yang boleh diukur. Populasi diperlukan dalam penyelidikan kerana padanya berlaku interaksi antara dua atau lebih pemboleh ubah yang perlukan perhatian yang disebut masalah kajian. Manakala, pensampelan adalah proses mengambil sejumlah individu atau objek dari populasi (Khalid Johari, 2003).

Dalam kajian ini, penyelidik tidak dapat menggunakan persampelan secara rawak kerana banduan-banduan yang ada terikat dengan peraturan-peraturan tertentu seperti tarikh bebas dan peluang untuk dihubungi secara personal. Oleh itu, hanya seramai 40 orang banduan berhasil ditemui dan bersetuju untuk menjadi responden kajian.

Instrumen Kajian

Instrument kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik yang dibina sendiri oleh penyelidik sebagai alat ukur bagi pengumpulan data. Tuckman (1988) menyarankan kaedah soal selidik lebih mudah untuk mendapatkan kerjasama daripada responden. Soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan B. Dengan menggunakan instrumen soal selidik, penyelidik dapat membuat penganalisisan data yang diperoleh dengan lebih mudah kerana segala maklumat yang diperoleh boleh disemak semula dan jawapan yang telah diperoleh merupakan jawapan yang tepat kerana responden hanya perlu memilih satu jawapan sahaja daripada persoalan yang diberikan.

Bahagian A

Bahagian A terbahagi kepada 6 item. Bahagian ini mengandungi soalan yang berkaitan dengan latar belakang responden (banduan pra-bebas) iaitu jantina, bangsa, umur, kursus yang diikuti, tempoh latihan dan kelulusan.

Bahagian B

Bahagian B terdiri daripada 23 item. Item-item ini direka bentuk untuk mengenal pasti tahap kemahiran employability yang dimiliki responden setelah menjalani latihan vokasional. Item-item dibahagikan kepada empat bahagian berdasarkan persoalan kajian iaitu kemahiran bertanggungjawab, kemahiran bersikap positif, kemahiran membuat penyesuaian dan kemahiran bekerja dengan orang lain.

Responden diminta menandakan [/] atau membulatkan jawapan yang berkenaan. Bahagian A di borang soal selidik adalah bertujuan untuk memperoleh maklumat berkaitan dengan jantina, bangsa, umur, kursus yang diikuti, tempoh latihan dan kelulusan. Bahagian B pula terdiri daripada 25 item yang merangkumi kemahiran employabiliti yang hendak diukur iaitu kemahiran bertanggungjawab, kemahiran bersikap positif, kemahiran membuat penyesuaian dan kemahiran bekerja dengan orang lain.

Jadual 1: Pembahagian item mengikut persoalan kajian

Bahagian	Soalan Kajian	No. Item	Bil Item
A	Latar Belakang Responden	1,2,3,4,5,6	6
B	1. Apakah tahap kemahiran bertanggungjawab banduan Pra bebas vokasional di Kompleks Penjara Kluang Johor?	1,2,3,4,5,6,	6
	2. Apakah tahap sikap banduan Pra bebas vokasional di Kompleks Penjara Kluang Johor?.	7,8,9,10,11	5
	3. Apakah tahap kemahiran membuat penyesuaian banduan Pra bebas vokasional di Kompleks Penjara Kluang Johor?.	12,13,14,15,16	5
	4. Apakah tahap kemahiran bekerja dengan orang lain banduan Pra bebas vokasional di Kompleks Penjara Kluang Johor?.	17,18,19,20,21,22,23	7

Setiap item mempunyai lima pilihan aras mengikut peringkat iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju. Responden dikehendaki menandakan jawapan mereka tentang suatu kenyataan berdasarkan satu skala dari satu ekstrem kepada ekstrem yang lain, contohnya, dari ‘sangat setuju’ kepada ‘sangat tidak setuju’.

Tanggapan responden dalam bahagian ini diukur dengan menggunakan Skala *Likert* yang terdiri daripada lima peringkat. Mengikut Mohd Najib (2003), soalan jenis Likert sangat popular dalam soal selidik kerana ia mudah ditadbir dan mempunyai format yang memudahkan data dianalisis. Penjelasan skala Likert adalah seperti dibawah :

Jadual 2: Skala *Likert* Berserta Dengan Markah Skor

Skala Likert	Skor
Sangat Tidak Setuju (STS)	1
Tidak Setuju (TS)	2
Tidak Pasti (TP)	3
Setuju (S)	4
Sangat Setuju (SS)	5

Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan sebelum soalan diedarkan kepada responden untuk tujuan kajian sebenar. Tujuan utama pelaksanaan kajian rintis adalah bagi menguji kebolehpercayaan setiap item dalam soal selidik dan menentukan darjah ketekalan dan ketepatan instrumen pengukuran. Instrumen yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi akan memberi keputusan yang tekal atau hampir sama setiap kali ia digunakan dalam situasi yang setara.

“Tujuan utama kajian rintis adalah untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Hanya dalam keadaan apabila instrumen telah mempunyai kepastian sebenar dari aspek objektif, kesahan, kebolehpercayaan dan kepenggunaan, maka barulah kajian rintis tidak perlu dilaksanakan.”

(Mohd. Najib Abdul Ghafar, 2003: 159)

Selain daripada itu, kajian rintis yang dijalankan adalah bertujuan untuk menguji item dari segi bahasa, isi kandungan dan mendapatkan darjah kepercayaan. Selain itu kajian rintis dijalankan untuk menguji kefahaman responden terhadap item-item yang dibina untuk memperoleh tahap kesahan dan kebolehpercayaan setiap item instrumen. Penyelidik boleh mengubahsuai struktur soal selidik sekiranya didapati perlu diperbaiki sebelum kajian sebenar dijalankan.

Sebelum kajian sebenar dijalankan, penyelidik telah menjalankan kajian rintis kepada 10 orang banduan di Penjara Simpang Rengam, Johor. Mereka ini bukan individu yang terlibat dalam kajian sebenar dan dipilih untuk mengenal pasti perkara-perkara berikut :

- i. Untuk mengetahui sejauh mana responden memahami setiap pernyataan dan item yang digunakan. Ini dilakukan dengan membenarkan responden bertanya kepada penyelidik.

- ii. Untuk mengetahui sejauh mana kesesuaian keseluruhan penggunaan instrumen kepada responden kajian, terutamanya dalam penggunaan istilah dan struktur ayat.
- iii. Untuk mengetahui kesesuaian item-item yang digunakan.

Untuk mengetahui sejauh mana responden memahami kehendak item.

Bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik, set kajian rintis diproses menggunakan perisian SPSS 15.0 (*Statistic Package for Social Science-For Windows*), Nilai alpha yang diperolehi ialah 0.679. Menurut Mohd Salleh dan Zaidatun (2001), menyatakan bahawa kajian yang mencapai nilai Alpha lebih daripada 0.6 adalah mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan soalan yang tinggi. Maka dengan ini item-item yang dibina dalam soal-selidik boleh dipercayai dan boleh diterima.

Keputusan

Hasil Dapatkan Persoalan Kajian 1 : “Apakah tahap kemahiran bertanggungjawab banduan Pra bebas di Kompleks penjara Kluang Johor?”

Jadual 3: Taburan Responden Mengikut Peratusan, dan Frekuensi Bagi Kemahiran bertanggungjawab.

Respon	STS	TS	TP	S	SS
Pernyataan Item	f	f	f	f	f
	%	%	%	%	%
Saya mempunyai komitmen dalam menjaga kehormatan dan maruah diri	0 (0)	0 (0)	0 (0)	16 (40.0)	24 (60.0)
Saya sering membantu rakan dalam melakukan sebarang aktiviti	0 (0)	0 (0)	1 (2.5)	35 (87.5)	4 (10.0)
Saya mampu menyiapkan kerja dalam masa yang ditetapkan	0 (0)	0 (0)	12 (30.0)	22 (55.0)	6 (15.0)
Saya boleh menguruskan hidup saya dengan baik	0 (0)	0 (0)	0 (0)	26 (65.0)	14 (35.0)
Saya mampu melaksanakan tugas dengan baik	0 (0)	0 (0)	4 (10.0)	15 (37.5)	21 (52.5)
Saya seorang yang menepati masa	0 (0)	0 (0)	18 (45.0)	18 (45.0)	4 (10.0)

Nota :

SS = Sangat Setuju

S = Setuju

TP = Tidak Pasti

TS = Tidak Setuju

STS = Sangat Tidak Setuju

f = Kekerapan

% = Peratus

Jadual 3 menunjukkan taburan responden mengikut peratusan, frekuensi dan min bagi kemahiran bertanggungjawab. Min keseluruhan ialah 4.15. Ini adalah satu nilai yang tinggi. Ini bermaksud kebanyakan responden mempunyai tahap kemahiran bertanggungjawab yang baik dalam melakukan sebarang pekerjaan.

Analisis bagi item 1 memperlihatkan responden yang sangat setuju seramai 24 orang (60%) responden. Manakala seramai 16 orang (40%) responden setuju dengan item yang diuji. Ini menunjukkan para banduan mempunyai komitment yang sangat tinggi dalam menjaga kehormatan dan maruah diri mereka walaupun mereka telah dijatuhkan hukuman.

Analisis bagi item 2 pula, menunjukkan responden yang setuju seramai 35 orang (87.5 %). Responden yang sangat setuju pula seramai 4 orang (10.0 %). Manakala responden yang tidak pasti seramai seorang (2.5 %). Ini menunjukkan para banduan pra bebas sering membantu rakan mereka dalam melakukan sebarang aktiviti yang diarahkan.

Analisis bagi item 3 menunjukkan responden yang sangat setuju seramai 6 orang (15.0%). Responden yang tidak pasti pula seramai 12 orang (30.0 %). Manakala seramai 22 orang (55.0%) responden yang setuju dengan item ini. Ini memperlihatkan para banduan pra bebas mampu menyiapkan kerja yang diberi dalam masa yang ditetapkan oleh pihak pengurusan penjara.

Analisis bagi item 4 pula menunjukkan responden yang setuju seramai 26 orang (65.0 %). Responden yang sangat setuju adalah seramai 14 orang (35.0 %). Ini adalah satu nilai yang tinggi dan ia menunjukkan para banduan pra bebas mampu menguruskan hidup mereka dengan baik sepanjang mereka berada di penjara.

Analisis bagi item 5 menunjukkan responden yang sangat setuju seramai 21 orang (52.5%). Responden yang setuju melebihi responden yang tidak pasti seramai 15 orang (37.5 %). Manakala responden yang tidak pasti adalah seramai 4 orang (10.0 %). Ini menunjukkan kebanyakan para banduan pra bebas mampu melaksanakan tugas atau tugas dengan baik.

Analisis bagi item 6 menunjukkan responden yang tidak pasti seramai 18 orang (45.0 %) dan dengan bilangan responden yang sama iaitu 18 orang (45.0%) yang setuju dengan item yang diuji. Resonden yang sangat setuju adalah seramai 4 orang (10.0 %). Ini menunjukkan para banduan pra bebas adalah serang yang menepati masa.

Jadual 4: Min Keseluruhan bagi Persoalan Kajian 1

Persoalan Kajian	Min Keseluruhan
Apakah tahap kemahiran bertanggungjawab banduan Pra bebas di Kompleks penjara Kluang Johor?	4.15 (Tinggi)

Purata min keseluruhan persoalan ini adalah 4.15. Daripada maklumbalas yang positif, tahap ‘employability’ para banduan pra bebas dari aspek kemahiran bertanggungjawab boleh dikatakan tinggi dalam diri banduan tersebut .

Perbincangan


Perbincangan Persoalan Kajian 1

Responden sememangnya menyimpan harapan untuk mempunyai pekerjaan yang baik selepas mereka dibebaskan agar mereka mempunyai status ekonomi yang kukuh dan mampu menyara hidup mereka. Namun, aspek untuk mendapatkan pekerjaan adalah dengan meningkatkan kemahiran “employability” dalam diri responden. Kemahiran bersikap bertanggungjawab merupakan elemen yang telah dikenal pasti sebagai salah satu kemahiran yang penting dalam diri seseorang sebelum mendapat pekerjaan. Pernyataan ini disokong oleh Mohd Yahya (2001) yang menyenaraikan tujuh faktor mengapa seseorang ingin mencebur ke dalam bidang pekerjaan, iaitu :

- a) Untuk mencari sumber kewangan
- b) Untuk memupuk sokongan sosial & keluarga
- c) Untuk membina identiti dan harga diri
- d) Untuk mencari kedudukan

Dengan adanya faktor-faktor diatas dapatlah dilihat bahawa kemahiran bertanggungjawab amat diperlukan dalam kerja dan juga penghidupan bagi responden memastikan kehidupan mereka sempurna selepas dibebaskan.

Seandainya dirujuk pada keputusan analisis data setiap item bagi persoalan kajian ini dan mengaitkannya dengan tujuh faktor yang telah dikemukakan oleh Mohd Yahya (2001), kita dapat lihat bahawa susunan tujuan responden ingin melibatkan diri dalam bidang pekerjaan ialah seperti dalam Rajah 1 yang merupakan salah satu keperluan yang lahir daripada kemahiran bertanggungjawab.



Sumber Mohd Yahya (2001)

Rajah 1: Sikap Tanggungjawab untuk Peroleh Pekerjaan

Dengan adanya pekerjaan yang tetap, banduan pra bebas ini akan mendapat pendapatan yang tetap dan sekaligus dapat memberi peluang pada mereka hidup dengan baik. Sebaliknya mereka hanya mendapat kerja sambilan dan tidak tetap, mustahil mereka akan mendapatkan sumber kewangan yang tetap dan kukuh untuk menyara diri sendiri dan keluarga. Tambahan pula, perasaan risau akan terbit dalam diri tentang mungkin mereka akan dibuang dari jawatan yang mereka sandang pada bila-bila masa oleh majikan seandainya mereka menganggap bahawa bekas banduan tidak mampu melakukan kerja dengan penuh bertanggungjawab.

Perbincangan Persoalan Kajian 2

Menurut Drucker (1968) seorang pengkaji masa hadapan, perubahan sikap yang berlaku kadangkala adalah luar jangkaan minda manusia, ini menyebabkan manusia tidak dapat lari daripada tuntutan ‘bias masa’ tanpa mengetepikan sejarah lampau sebagai panduan untuk kehidupan yang akan datang. Oleh yang demikian kita seharusnya mempunyai satu sikap untuk mengubah sikap atau tabiat yang buruk kepada sesuatu yang lebih baik. Kemahiran bersikap positif merupakan kunci kepada ciri-ciri individu yang berupaya mengemudi kehidupan mereka dengan baik dalam segala aspek kehidupan.

Kenyataan ini bertepatan dengan saranan Clark dan Kloostoe (1995) supaya para banduan pra bebas bersedia mempertingkatkan kualiti dan imej diri bagi menerima sebarang cabaran baru dan menguasai kemahiran dalam sesuatu bidang kerja yang ingin mereka ceburi. Golongan ini juga perlu sentiasa merebut peluang untuk maju dan tidak mudah tersinggung atau malu. Selain itu, mereka juga perlu berusaha bagi mengikis dan mengubah sikap supaya tidak mudah mengalah pada takdir serta menunjukkan kemahiran yang dikuasai sama seperti orang lain.

Para banduan juga perlu bersikap lebih terbuka dan berani menerima cabaran dalam menghadapi situasi baru untuk berjaya. Ini kerana bidang kerjaya yang diceburi ini luas dan melibatkan semua golongan masyarakat dan tidak hanya tertumpu pada sesuatu kumpulan minoriti sahaja. Sehubungan dengan itu, sikap ingin bersama dengan rakan-rakan dan kaum yang senasib dengan mereka harus dikikis. Keadaan ini bagi memastikan mereka berfikiran lebih terbuka dan tidak takut menghadapi cabaran yang mendarang.

Perbincangan Persoalan Kajian 3

Menyentuh tentang kemahiran membuat penyesuaian ia merujuk kepada bagaimana seseorang itu dapat menyesuaikan diri dengan perbezaan yang berlaku dipersekuturnya (Yahya dan Muhammad Rashid, 2001).

Responden seharusnya dapat memanipulasikan kemahiran yang diterapkan oleh pihak penjara seperti menyelesaikan masalah dan pengurusan kewangan serta kemahiran lain yang berguna untuk pekerjaan di masa hadapan semasa sedang menjalani latihan vokasional di penjara kerana kemahiran-kemahiran ini penting untuk diaplikasikan semasa mereka menempuh alam pekerjaan yang penuh dengan cabaran.

Kemahiran ini dapat memberi peluang para banduan mahir mencari dan menguruskan peluang yang ada dihadapan mereka kelak. Mereka perlu berusaha meneroka peluang yang sejajar dengan minat mereka.

Perbincangan Persoalan Kajian 4

Responden perlu berusaha untuk melibatkan diri dalam masyarakat dan ingin memberi sumbangan bakti dalam aktiviti kemasyarakatan agar mereka tidak terasa seperti orang yang tidak berguna.

Terdapat segelintir masyarakat pada hari ini masih menunjukkan sikap prejedis dengan keupayaan golongan banduan untuk bekerja dan bersaing dalam pasaran kerja. Pengkaji ini juga yang menyatakan bahawa pihak majikan masih keberatan untuk menggaji golongan ini bekerja dengan mereka.

Sikap majikan pada golongan ini belum lagi terbuka dan keengganan mereka ini berpunca daripada beberapa faktor seperti mereka tidak mampu bekerja dengan orang lain serta khuatir keselamatan di tempat kerja terganggu. Pihak majikan juga dikatakan mempunyai pandangan stereotaip pada individu ini dan akhirnya membawa kepada perlakunya diskriminasi.

Dengan adanya kemahiran bekerja dengan orang lain ia merupakan kemahiran bagaimana cara untuk berkomunikasi, bekerjasama dengan individu lain bagi memastikan sesuatu matlamat raja di realisasikan, oleh itu sebarang masalah dapat diatasi dengan perbincangan atau sikap toleransi. Menurut Shymal Majumdar (2002) Kemahiran ini penting bagi memastikan kesefahaman dapat diwujudkan dalam sesuatu aktiviti pekerjaan.

Rumusan

Dalam bahagian ini, penyelidik menggariskan rumusan yang dapat menjawab persoalan kajian berdasarkan analisis dan dapatan kajian :

- i) Purata min mengenai wujudnya kemahiran bertanggungjawab dikalangan banduan pra bebas setelah menjalani pendidikan vokasional sepanjang tempoh hukuman ialah 4.15. Nilai yang berada pada tahap tinggi ini jelas membuktikan bahawa banduan pra bebas di Kompleks Penjara Kluang Johor mempunyai kemahiran bertanggungjawab walaupun mereka telah melakukan kesilapan, oleh hal yang dimikian dapatlah dilihat bahawa mereka mempunyai harapan dan impian untuk berubah.
- ii) Purata min analisis tentang persoalan kajian dua menunjukkan bahawa memang wujudnya kemahiran bersikap positif dalam diri banduan pra bebas yang mengikuti program vokasional di Kompleks Penjara Kluang Johor. Kenyataan ini ditunjukkan dengan nilai purata min yang berada pada tahap tinggi iaitu 4.20.
- iii) Elemen kemahiran membuat penyesuaian juga menunjukkan purata min yang tinggi iaitu, 4.36. Ini membuktikan bahawa, golongan banduan pra bebas juga berharap untuk menjadi individu yang lebih flexibel dari keadaan sebelum mereka memasuki penjara.
- iv) Bagi persoalan kajian keempat, nilai purata min masih berada pada tahap tinggi iaitu 4.17 jelas menunjukkan bahawa responden mempunyai kemahiran bekerja dengan orang lain dengan baik setelah mereka selesai menjalani latihan vokasional di Kompleks Penjara Kluang Johor.

Secara keseluruhannya, kemahiran “employability” yang dikaji wujud dalam diri responden, mengikut min kriteria yang paling tinggi adalah kemahiran membuat penyesuaian, kemahiran bersikap positif, kemahiran bekerja dengan orang lain dan yang terakhir ialah kemahiran bertanggungjawab.

Rujukan

Abdul Rahman Abdul Aziz. (2000). *Kemahiran Sosial Asas*. Kuala Lumpur : Utusan Pub.

Ahmad Bashah. (2006). Khidmat Masyarakat. Portal Rasmi Jabatan Penjara Malaysia

Buck, L.L, dan Barrick, R.K. (1987) They're Trained, but are They Employable? *Vocational Education Journal*.62/5: 29-31

Clark.(1997).Growing Up Gifted ; Developing the Potential of Children at Home and School 5th.ed. upper Saddle River WJ : Prentice Hall

Dewan Bahasa Dan Pustaka Edisi Ketiga (1997). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia

Dewan Bahasa Dan Pustaka (2006). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia

Dewan Bahasa Dan Pustaka Edisi Digital (2007). *Kamus pelajar*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia

Drabick, H. (1963). *Students and Expectation*. Boston : Ally and Bacon Inc.

Drucker, P.R. (1968). *The New Society*. New York: Heinemann.

Dooley, D. (2001). *Social Research Method*. New Jersey : Prentice Hall.

Gainer (1988). ASTD Update: Basic Skills. Alexandria, VA: American Society for Training and Development.(ERIC No.ED 291 882).

Gregson, J.A., dan Bettis, P.J (1991). Secondary trade and Industrial Education work Value Instruction : Emancipatory or Indoctrinal ? Paper presented at the American Association Convention, . Los Angeles: CA. (ED 341781).

Hamzah Hassan. (2005). Kemahiran Pemulihan. Portal Rasmi Jabatan Penjara Malaysia

Hillage, J. dan Pollard, E. (1998). Employability : Developing a Framework for Policy Analysis. DfEE Research Report RR85-November.

Jamilah Abu Hassan. (2007,17 Mac). Penghuni Penjara : mengharap Peluang Kedua. Berita Harian. P.2

Khalid Johari. (2003). Penyelidikan dalam Pendidikan : Konsep dan Prosedur.Petaling Jaya : Prentice Hall .

Lankard, B.A. (1994). Employers'' Expectations of Vocational Education. Columbus. OH: The National Center for Research in Vocational Education, The Ohio State University. (ERIC Document Reproduction Service No. ED376 237).